

# OBJEK DALAM AYAT TRANSITIF BAHASA MELAYU: ANALISIS PROGRAM MINIMALIS

(Object in Malay Language Transitive Sentence: A Minimalist Program Analysis)

Norsofiah Abu Bakar<sup>1</sup>  
abnorsofiah@usm.my

Hasmidar Hassan<sup>2</sup>  
hasmidar@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia.<sup>1&2</sup>

Pengarang koresponden (corresponding author): <sup>1</sup>

Rujukan makalah ini (To cite this article): Norsofiah Abu Bakar & Hasmidar Hassan. (2023). Objek dalam ayat transitif bahasa Melayu: Analisis Program Minimalis. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 169–190. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no7)

Peroleh: Received:	31/7/2022	Semakan: Revised	10/8/2022	Terima: Accepted:	22/9/2022	Terbit dalam talian: Published online:	18/4/2023
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	-----------

## Abstrak

Fungsi gramatis objek sering menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pengguna bahasa Melayu walaupun penjelasan telah diberikan dalam buku tatabahasa pegangan, *Tatabahasa Dewan*. Bertitik tolak daripada isu kekeliruan objek, kajian ini bermatlamat untuk memberikan huraian secara teoretis tentang fungsi gramatis objek dalam ayat bahasa Melayu dengan meneliti perilaku sintaksis empat kata kerja, iaitu kata kerja “mencari”, “mencarikan”, “menderma” dan “mendermakan”. Penjelasan teoretis adalah berlandaskan Program Minimalis. Dari aspek metodologi, kajian ini menggunakan data korpus DBP dan korpus dibuat individu dengan yakin (DIY) daripada akhbar *Berita Harian Online*. Di samping itu, soal selidik juga dilakukan untuk memperoleh penilaian kebolehterimaan ayat berdasarkan intuisi penutur natif bahasa Melayu. Hasil kajian menunjukkan bahawa penutur natif bahasa Melayu menerima bahawa ayat “mencari” dan “menderma” mempunyai dua argumen yang berfungsi sebagai subjek

dan objek langsung. Bagi kata kerja “mencarikan”, didapati bahawa penutur natif bahasa Melayu cenderung terhadap binaan dua objek yang diwakili oleh frasa nama. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa bagi kata kerja “mendermakan”, subjek kajian cenderung memilih binaan datif, iaitu FN+ kata kerja + FN + FP. Kajian ini berpendirian bahawa objek tak langsung dalam bahasa Melayu perlu diberikan pilihan, sama ada ada frasa nama atau frasa preposisi yang terdiri daripada konstruksi FN + FN atau FN + FP. Binaan datif ini selari dengan intuisi penutur natif dan justifikasi secara teoretis.

Kata kunci: Kata kerja transitif, datif, objek tak langsung, Program Minimalis, bahasa Melayu, frasa preposisi

### ***Abstract***

*The grammatical function of objects often causes confusion among Malay language users even though explanations have been given in the reference grammar book, Tatabahasa Dewan. Based on the issue of object confusion, this study aims to provide a theoretical description of the grammatical function of objects in Malay sentences by examining the syntactic behaviour of four verbs, namely ‘mencari’, ‘mencarikan’, ‘menderma’, and ‘mendermakan’. The theoretical explanation is based on the Minimalist Program. From a methodological aspect, this study uses data from the DBP corpus and the Dibuat Individu dengan Yakin (DIY) corpus from the newspaper Berita Harian Online. In addition, a questionnaire survey was also conducted to assess the acceptability of sentences based on the intuition of native Malay speakers. The results of the study show that native Malay speakers accept that the sentences with ‘mencari’ and ‘menderma’ have two arguments that function as the subject and the direct object. For the verb ‘mencarikan’, it was found that native Malay speakers tend to construct two objects structure represented by a noun phrase. However, the findings of this study show that for the verb ‘mendermakan’, the subjects of this study tend to choose the dative construction, which is FN + verb + FN + FP. This study is of the opinion that the indirect object in the Malay language is given a choice of whether it consists of the construction FN + FN or FN + FP. This dative construction is in line with the native speaker’s intuition and theoretical justification.*

*Keywords: Transitive verb, dative, indirect object, Minimalist Program, Malay language, preposition phrase*

## PENGENALAN

Dalam buku pengajaran dan pembelajaran tatabahasa bahasa Melayu (pedagogi), binaan frasa kerja hanya wujud dengan dua objek, iaitu objek langsung dan objek tak langsung. Kedua-dua objek ini didukung oleh frasa nama (FN). Fungsi objek dalam struktur ayat bahasa Melayu amat penting kerana pelajar, guru dan pengguna bahasa Melayu perlu memahami objek untuk membezakan antara ayat yang mengandungi kata kerja transitif, kata kerja dwitransitif, kata kerja tak transitif, ayat aktif dan ayat pasif. Walaupun *Tatabahasa Dewan* telah memberikan formula untuk membezakan fungsi tatabahasa objek dan komplemen (pelengkap), pengguna bahasa Melayu masih keliru tentang fungsi objek.

Tinjauan dalam Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) pada bahagian khidmat nasihat menunjukkan bahawa pengguna bahasa Melayu masih tertanya-tanya tentang objek tepat, objek tak langsung, objek tak bernyawa dan objek bernyawa. Di samping itu, pemerhatian terhadap ayat yang mengandungi objek dalam *Tatabahasa Dewan* pula berbeza daripada ayat dalam korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Misalnya:

- (1) a. Baginda **menganugerahkan** bintang kehormatan kepada pahlawan itu. (Nik Safiah et al., 2015:393).
- b. UKM **menganugerahkan** beliau Ijazah Kehormat Sarjana Pengajian Islam sempena Majlis Konvokesyen Ke-29, tahun ini. (Korpus Dewan Bahasa)

Ayat (1b) tidak menepati rumus yang ditetapkan dalam *Tatabahasa Dewan*, iaitu rumus predikat Frasa Kerja + Frasa Nama + Frasa Preposisi, sebaliknya menggunakan rumus predikat Frasa Kerja + Frasa Nama + Frasa Nama + Frasa Adverba. Ayat (1b) sepatutnya menggunakan kata kerja **menganugerahi** seperti dalam ayat (2).

- (2) UKM **menganugerahi** beliau Ijazah Kehormat Sarjana Pengajian Islam sempena Majlis Konvokesyen Ke-29, tahun ini.

Pertentangan antara ayat dalam korpus dengan rumus yang ditetapkan oleh *Tatabahasa Dewan* pastinya menimbulkan persoalan, sama ada ayat (1b) ini gramatis atau tidak. Dari sudut pandang *Tatabahasa Dewan* yang merupakan tatabahasa pegangan, ayat (1b) tidak diterima. Fungsi tatabahasa objek dalam ayat (1b) tidak dapat dikemukakan. Hanya binaan (1a) sahaja yang diterima oleh *Tatabahasa Dewan* bagi kata **menganugerahkan**. Namun begitu, apakah ayat (1b) tidak diterima oleh penutur natif bahasa

Melayu? Persoalan ini cuba dijawab dalam kajian ini. Selain isu ayat, terdapat juga percanggahan objek langsung dan objek tak langsung yang melibatkan ayat yang mengandungi kata kerja dwitransitif. Objek merupakan fungsi tatabahasa yang hadir sesudah kata kerja dan objek ini terdiri daripada objek langsung dan objek tak langsung. Bagi Asmah (2009), objek langsung hadir selepas kata kerja transitif, manakala objek tak langsung hadir dalam ayat kata kerja dwitransitif. Nik Safiah et al. (2015) mentakrifkan objek langsung sebagai binaan kata nama yang menjadi penyambut kata kerja, dan objek langsung hadir selepas objek tak langsung. Misalnya:

- (3) Dia **mencarikan** isterinya buah nangka. (Nik Safiah et al., 2015:393)  
                                OL                OTL
- (4) Dia **membelikan** saya baju itu. (Asmah, 2009:402)  
                                OTL      OL

Berdasarkan ayat (3), objek tak langsung (**buah nangka**) hadir selepas objek langsung (**isterinya**), manakala dalam ayat (4), objek tak langsung (**saya**) dan objek langsung (**baju itu**) hadir sesudah kata kerja dwitransitif. Penjelasan Asmah (2009) dan Nik Safiah et al. (2015) yang bertentangan tentang objek langsung dan objek tak langsung pastilah terkait dengan kata kerja. Perilaku kata kerja menunjukkan fungsi tatabahasa yang mengikutinya, sama ada objek, komplemen atau adverba.

Bertitik tolak daripada perbezaan pendapat dalam kalangan sarjana bahasa Melayu, kajian ini ingin meneruskan usaha untuk menghuraikan fungsi tatabahasa objek dalam ayat penyata aktif dengan kata kerja transitif. Kajian ini menghuraikan fungsi tatabahasa objek dalam ayat penyata aktif transitif bahasa Melayu dengan menggunakan data korpus yang dikatakan lebih empiris dan menggambarkan penggunaan sebenar penutur natif sesuatu bahasa.

## TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan tinjauan kajian lepas, secara umumnya, sarjana bersetuju bahawa frasa nama yang mengikuti kata kerja transitif ialah objek seperti contoh dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Kata kerja ekatransitif + objek.

<b>Kata Kerja Transitif + Objek</b>	<b>Ayat</b>
menulis + objek	Dia <b>menulis</b> surat itu. (Asmah, 2009)
mewarnakan + objek	Kami <b>mewarnakan</b> mural itu. (Nik Safiah et al., 2015)
terambil + objek	Saya <b>terambil</b> buku Ali. (Nik Safiah et al., 2015)

Bagi kata kerja dengan dua objek, Nik Safiah et al. (2015) menyatakan bahawa ayat yang mengandungi meN- ... -kan dengan dua objek [subjek + kata kerja + objek 1 + objek 2] terdiri daripada objek 1 yang merupakan objek tepat yang mengikuti kata kerja dan objek 2 yang merupakan objek sipi yang mengikuti objek tepat (Nik Safiah et al., 2015) (lihat ayat 5a)<sup>1</sup>. Objek tepat boleh mengalami proses pempasifan ayat dengan objek asal menjadi subjek terbitan dalam ayat pasif (5b).

- (5) a. Hasnah **membelikan** Asri sebuah buku.  
           [KKT]    [Obj. langsung]    [Obj. tak langsung]
- b. Asri **dibelikan** sebuah buku oleh Hasnah.  
           [Subjek terbitan]

Sorotan kajian juga mendapati bahawa Ahmad Khair (2011) bersetuju dengan pandangan Nik Safiah et al. (2015).

Asmah (2009) menyatakan bahawa kata kerja ekatransitif mempunyai satu objek, sama ada objek tersebut objek kata (6a), objek frasa (6b) atau objek klausa (6c).

- (6) a. Dia **menulis** surat. (Asmah, 2009)  
           KK    objek
- b. Dia **berkata** bahawa dia tidak menyokong cadangan itu. (Asmah, 2009)  
           KK    objek
- c. Kami **yakin** dia akan berjaya. (Asmah, 2009)  
           KK    objek

Asmah (2009), serta Liaw dan Abdullah (1994) berpendapat bahawa objek tak langsung hadir selepas kata kerja dwitransitif. Misalnya:

(7) a. Dia **menghadiahkan** saya baju itu. (Asmah, 2009)  
 KK OTL OL

b. Orang itu **mengambilkan** anaknya buah rambutan itu. (Liaw, 1994)  
 KK OTL OL

Dalam konteks bahasa Inggeris, penanda objek tak langsung ialah **to** (Tallerman, 1998). Misalnya,

(8) I lent my money **to Chris**.

FN **my money** berfungsi sebagai objek, manakala **to Chris** berfungsi sebagai objek tak langsung (Tallerman, 1998). Hal ini bermaksud, kata **lent** memerlukan tiga argumen, iaitu FN **I**, FN **my money** dan FP **to Chris**.

Jika ayat (8) diteliti, kata kerja transitif **lent** didapati menerima dua objek dan objek tak langsung merupakan frasa preposisi. Dalam konteks bahasa Melayu, kehadiran frasa preposisi tidak dikatakan sebagai objek, sebaliknya dikatakan sebagai adjung seperti dalam Jadual 2.

**Jadual 2** Binaan ayat penyata dengan kata kerja ekatransitif oleh sarjana.

Bil.	Subjek	Kata kerja ekatransitif	Objek	Adjung	Sumber
			FDet	FP	
1.	Baginda	<b>menganugerahkan</b>	bintang kehormatan	kepada pahlawan itu.	(Nik Safiah et al., 2015: 393)
2.	Anaknya	<b>menghidangkan</b>	sedulang kuih	untuk kami.	(Nik Safiah et al., 2015: 393)
3.	Doktor itu	<b>menitikkan</b>	ubat	ke dalam kelopak matanya.	(Liaw & Abdullah, 1994:169)
4.	Dia	<b>menghadiahkan</b>	boneka itu	kepada anaknya.	(Asmah, 2009:154)

Berdasarkan Jadual 2, kata kerja ekatransitif secara konsistennya menerima FP yang tidak dianggap sebagai objek. Hal ini berbeza daripada bahasa Inggeris yang menerima FP sebagai objek tak langsung. Persoalan yang timbul ialah kewajaran FP dianggap sebagai adjung bukannya objek, sedangkan pengguguran FP boleh menjejaskan kegramatisan ayat.

Bagi binaan kata kerja dwitransitif + frasa nama + frasa preposisi, Ramli (1996), Soenjono (1983) dan Tallerman (1998) berpandangan bahawa kata kerja dwitransitif menerima komplemen FP. Dalam hal ini Tallerman (1998) menggunakan istilah komplemen, bukannya objek. Misalnya:

**Jadual 3** Binaan ayat penyata dengan kata kerja dwitransitif oleh sarjana.

Bil.	Subjek	Kata kerja dwitransitif	Objek	Adjung	Sumber
			FN	FP	
1.	Dia	<b>menggorengkan</b>	ayam	untuk saya.	Soenjono (1983:8)
2.	Bapa	<b>memberi</b>	buku	kepada adik.	Ramli (1996:444)

Dengan berdasarkan Jadual 2 dan Jadual 3, berlaku percanggahan pandangan dalam kalangan sarjana bahasa Melayu tentang kehadiran objek dalam ayat dengan kata kerja ekatransitif dan kata kerja dwitransitif. Berdasarkan Jadual 3 ini, kata kerja **memberi** dikategorikan sebagai kata kerja dwitransitif. Hal ini bertentangan dengan rumus Nik Safiah et al., (2015:207) tentang kata kerja **memberi** dan **memberikan** dalam ayat **Ali memberi kucing makanan** dan **Ali memberikan makanan kepada kucing masing-masing**. Soenjono (1983) berpandangan bahawa tiada perbezaan antara ayat yang kata kerjanya menerima frasa preposisi atau objek langsung sahaja, seperti kata kerja **membeli** dengan **membelikan** dan kata kerja **menggoreng** dengan **menggorengkan**. Persoalannya, apakah tiada perbezaan yang ketara antara kata kerja ekatransitif dengan kata kerja dwitransitif apabila menerima kehadiran frasa preposisi?

Berdasarkan sorotan kajian ini, penelitian semula terhadap struktur kata kerja dwitransitif dan kata kerja ekatransitif, serta fungsi tatabahasa objek perlu dilakukan berlandaskan data korpus dan Program Minimalis memandangkan terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan sarjana.

## METODOLOGI KAJIAN

Penelitian terhadap kata kerja transitif dan fungsi tatabahasa objek dalam kajian ini menggunakan tiga sumber data, iaitu data daripada buku tatabahasa, iaitu Nik Safiah et al. (2015), data korpus UKM-DBP dan data daripada akhbar *Berita Harian* yang melibatkan tempoh antara Januari 2019 hingga Disember 2019. Data daripada sumber ketiga dikumpulkan

dalam bentuk digital dengan cara membina korpus DIY melalui perisian Antconc. Bagi meneliti perilaku kata kerja ini, sebanyak empat kata kerja dipilih, iaitu kata kerja **mencari**, **mencarikan**, **menderma** dan **mendermakan**. Berdasarkan kata kerja ini, data mentah daripada korpus DIY dan data korpus berkomputer akan melalui proses pengeditan. Ayat yang mengandungi kata kerja ini diubah suai kepada bentuk ayat penyata aktif tanpa mengubah makna asal ayat. Daripada ayat ini juga, satu borang soal selidik dibina untuk meneliti kebolehterimaan penutur natif bahasa Melayu terhadap ayat tersebut.

### **Subjek Kajian**

Subjek kajian terdiri daripada 30 penutur natif bahasa Melayu di Malaysia yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa dominan dalam komunikasi. Umur subjek antara 20–30 tahun. Subjek merupakan pelajar major dalam program Linguistik. Pemilihan subjek dalam kalangan pelajar major linguistik bahasa Melayu adalah untuk mengekang subjek daripada terikut-ikut dengan peraturan tatabahasa yang telah dipelajari di sekolah. Subjek kajian telah diberikan pendedahan tentang prosedur ujian penilaian kebolehterimaan ayat, iaitu dengan menekankan intuisi. Kaedah ini selari dengan metodologi kajian yang dijalankan oleh Josefsson (2010) yang menggunakan kaedah soal selidik terhadap subjek yang terdiri daripada individu yang dilatih untuk menggunakan kaedah soal selidik penilaian kebolehterimaan. Kajian ini hanya menggunakan satu kumpulan sahaja, yakni penutur natif dan tidak melibatkan subjek kumpulan lain.

### **Borang Soal Selidik Ujian Penilaian Kebolehterimaan**

Borang soal selidik ini mengandungi 15 item soalan. Borang ini terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian pertama memuatkan data demografi subjek. Bahagian kedua memuatkan ujian ayat yang mengandungi kata **mencari** dan **mencarikan**, manakala bahagian ketiga memuatkan item ayat yang mengandungi kata **menderma** dan **mendermakan**.

Ayat daripada sarjana bahasa Melayu yang telah diterima sebagai ayat yang gramatis diletakkan sebagai ayat kawalan (lihat Jadual 4), manakala ayat uji kaji ialah ayat daripada korpus yang diedit (lihat Jadual 5 hingga Jadual 8). Ayat korpus diedit oleh penulis supaya ayat tersebut menjadi ayat yang bertentangan dengan pandangan sarjana bahasa Melayu walaupun



ayat tersebut gramatis. Ayat yang diedit ini memerlukan pertimbangan subjek, sama ada ayat yang bertentangan dengan rumus tatabahasa ini ayat yang gramatis atau tidak gramatis. Bahagian kedua dan bahagian ketiga soal selidik pula mengandungi ayat kawalan dan ayat uji kaji. Dari aspek skala, setiap item skala yang disediakan ialah skala **betul**, **salah** dan **tidak pasti**. Skala soal selidik ini diambil daripada Sprouse dan Almeida (2011) untuk menunjukkan skala ayat yang boleh diterima dan tidak boleh diterima oleh subjek dalam borang penilaian kebolehterimaan. Setiap jawapan **betul**, **salah**, dan **tidak pasti**, masing-masing diberikan satu skor. Berdasarkan skala ini, jawapan kebolehterimaan penutur natif diperoleh dengan menggunakan peratusan. Skor mentah yang diperoleh oleh penutur natif didarab dengan 100 bagi menjadikannya berbentuk peratusan.

### **Tatacara Soal Selidik**

Soal selidik ini dijalankan di dewan kuliah. Borang soal selidik ini diedarkan secara dalam talian dengan menggunakan Google Form. Sebelum soal selidik dijalankan, pengkaji menerangkan kandungan borang selidik tersebut. Semua subjek bersetuju untuk menyertai soal selidik ini. Masa yang diberikan untuk menjawab soalan ini ialah 30 minit. Borang dikumpulkan dan direkodkan dalam Microsoft Excel.

### **Analisis Data**

Analisis data dijalankan secara kuantitatif. Data dianalisis dengan menggunakan Microsoft Excel. Hanya satu jenis analisis yang telah dijalankan, iaitu peratusan, yang merupakan statistik deskriptif.


### **KERANGKA TEORI**

Kajian ini menggunakan pendekatan Program Minimalis secara eklektik yang terdapat dalam Chomsky (1995), Marantz (1995) dan Radford (2009). Pendekatan Program Minimalis memetakan ciri tatabahasa kognitif penutur natif sebagaimana perkembangan tipikal tatabahasa kanak-kanak yang diperolehnya dalam masa yang singkat; yakni dalam masa lima hingga enam tahun (Radford, 2009). Pendekatan ini mengandaikan bahawa tatabahasa semestinya mudah, kemas dan *pasimony* (Chomsky, 1995). Marantz (1995) pula menyatakan bahawa tatabahasa perlu mempunyai prinsip “... *shortest move, Greed, and Proscratinate*”.

Pendekatan Program Minimalis yang diperkenalkan oleh Chomsky (1995) telah melakukan perubahan dalam analisis linguistik kognitif, khususnya analisis sintaksis. Antara perubahan yang dimaksudkan termasuklah:

- (9) a. menggugurkan struktur dalam (SD)
- b. menggugurkan struktur luar (SL)
- c. menggantikan gerakan- $\alpha$  dalam komponen transformasi dengan rumus salin
- d. operasi morfologi dianggap berlaku dalam leksikon
- e. leksikon mendaftarkan item leksikal dalam bentuk derivasi

Berdasarkan perubahan dalam (9a–9e), pendekatan Program Minimalis mengemukakan bentuk pendekatan seperti dalam Rajah 1.



**Rajah 1** Model Program Minimalis. (Sumber: Diubahsuai daripada Smith, 2004:85)

Dengan berdasarkan Rajah 1, penjanaan ayat bermula dari bawah ke atas. Pengetahuan bahasa natif penutur diandaikan meliputi sifat khazanah kata (leksikon). Dalam leksikon, derivasi kata dianggap telah berlaku. Penderivasian kata semacam operasi sistem penjanaan oleh komputer, iaitu penutur natif akan bermula dengan cara memilih kata daripada leksikon, kemudian melaksanakan operasi cantuman mengikut prinsip tatabahasa sejagat seperti prinsip binari, prinsip kepala, prinsip projeksi (kepala menentukan komplemennya) dan prinsip projeksi luaran. Implikasinya, penyalinan (*copying*) ini mungkin berlaku dalam komponen bentuk logik.

## **Peranan Teta**

Prinsip ekonomi dalam Program Minimalis mengemukakan bahawa adanya hubungan sesuatu argumen dengan peranan teta (Cook & Newson, 2007). Peranan teta merupakan teori yang mengawal pemberian semantik kepada argumen dalam sesuatu ayat (Radford, 2009). Pemberian teta berdasarkan Kriteria Peranan Teta ditunjukkan dalam (10).

(10) Kriteria Peranan Teta

- a. Setiap argumen diberi satu peranan teta.
- b. Setiap peranan teta diberikan kepada satu argumen.

(Sumber: Chomsky seperti yang dinyatakan dalam Radford, 2009:247)

Kriteria teta sangat penting untuk membina ayat yang gramatis. Radford (2009) mengandaikan satu lagi hipotesis berkenaan dengan kriteria Peranan Teta yang dikenali sebagai Hipotesis Penandaan Teta Dalam Predikat, iaitu:

(11) Setiap argumen diberi peranan teta melalui cantuman dengan predikat (Radford, 2009:248).

## **Pemberian Kasus**

Prinsip pemberian teta masih terdapat dalam Program Minimalis. Hal ini dikatakan demikian kerana pada tingkat ujaran rentetan, khususnya frasa nama, perlu menerima kasus. Prinsip Tapisan Kasus menyatakan bahawa:

(12) Setiap FN nyata yang dinyatakan secara fonetik mesti diberikan kasus abstrak (Chomsky, 1986).

Berdasarkan prinsip (12), dalam proses cantuman dari bawah ke atas dalam pendekatan Program Minimalis, frasa nama hendaklah diberikan kasus, sama ada kasus nominatif, kasus akusatif, dan kasus genitif. Pemberian kasus kepada frasa nama mesti bersandarkan (13a–13d) sebagaimana yang disebutkan oleh Radford (2009), iaitu:

- (13) a. kata kerja transitif yang menjadi kepala memberikan kasus akusatif kepada frasa nama dalam Perintah-C
- b. frasa preposisi memberikan kasus akusatif kepada frasa nama yang mengikutinya
- c. frasa nama memperoleh kasus nominatif daripada fitur dalam fleksi
- d. memperoleh kasus secara hakiki atau secara fungsi pada frasa nama, iaitu sebagai kasus genitif dan kasus datif.

## Cangkerang Frasa Kerja

Kata kerja transitif diandaikan mempunyai dua komplemen. Subteori cangkerang frasa kerja mengandaikan bahawa frasa kerja mempunyai dua komplemen, iaitu FK dalaman dan FK luaran. Komplemen FK terdiri daripada projeksi terbelah dengan FK luaran dikepalai oleh kata kerja ringan dan FK dalaman dikepalai oleh K. Cangkerang FK meliputi kata kerja dwitransitif, serta menganalisis kata kerja transitif dan kata kerja ergatif (Radford, 2009).

Subteori yang dibincangkan dalam kerangka teoretis ini mengetengahkan subteori yang relevan dengan kajian ini dan menjadi asas perbincangan bagi dapatan kajian ini.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dipaparkan dalam dua bahagian. Bahagian pertama membincangkan hasil kajian kata kerja **mencari/mencarikan** dan bahagian kedua membincangkan hasil kajian kata kerja **menderma/mendermakan**.

### Dapatan Kajian “Mencari/Mencarikan”

Kajian ini bermatlamat untuk menghuraikan fungsi objek berdasarkan tingkah laku kata kerja transitif. Dengan kata lain, kajian ini meneliti struktur ayat yang bertentangan dengan rumus dalam *Tatabahasa Dewan*, tetapi digunakan oleh penutur natif bahasa Melayu dalam data korpus. Berhubung dengan data kajian, sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, ayat dalam borang soal selidik diperoleh daripada ayat preskriptif buku tatabahasa dan ayat yang telah diedit daripada korpus yang melibatkan kata kerja **mencari**, **mencarikan**, **menderma** dan **mendermakan**. Hanya data yang relevan dan selari dengan objektif kajian sahaja yang dipaparkan.

Berdasarkan soal selidik kebolehterimaan penutur natif bahasa Melayu terhadap ayat preskriptif, majoriti subjek berpendapat bahawa ayat dalam Jadual 4 adalah betul.

**Jadual 4** Peratus keseluruhan kebolehterimaan penutur natif BM terhadap ayat preskriptif *Tatabahasa Dewan* bagi kata kerja **mencari** dan **mencarikan**.

Bil.	Ayat	Peratus (%)
1.	Dia <b>mencari</b> buah nangka untuk isterinya.	93.3
2.	Dia <b>mencarikan</b> isterinya buah nangka.	83.3

Dengan berdasarkan Jadual 4, subjek kajian bersetuju dengan binaan ayat daripada rumus preskriptif ini. Hal ini bermakna, struktur ayat ini

selari dengan intuisi penutur natif bahasa Melayu dan diterima sebagai ayat yang gramatis. Bagi ayat uji kaji yang mengandungi kata kerja **mencari**, dapatan menunjukkan bahawa penutur natif menerima binaan ayat penyata frasa kerja dengan satu objek seperti dalam Jadual 5.

**Jadual 5** Peratus kebolehterimaan penutur natif BM terhadap ayat yang mengandungi kata kerja **mencari** daripada data korpus.

Bil.	Ayat	Peratus (%)			
		Betul	Salah	Tidak Pasti	Jumlah
3.	Aku <b>mencari</b> kerja sambil untuk menampung perbelanjaan.	96.6	0	3.4	100
4.	Mereka <b>mencari</b> pasaran di luar negara.	60	23.3	16.7	100
5.	Saya <b>mencari</b> novel karya Teksuko Kuroyanagi.	100	0	0	100
6.	Ahli keluarga itu <b>mencari</b> al-Quran Resam Othmani.	73.3	10	16.7	100

Jadual 5 menunjukkan bahawa kata kerja **mencari** boleh menjadi binaan kata yang diikuti oleh objek seperti kata kerja aktif transitif yang lain, iaitu **membaca**, **menendang**, **memakai** dan **membeli**. Hal ini bermakna, majoriti subjek kajian bersetuju dengan binaan ayat dalam Jadual 5. Hal ini ditunjukkan dalam contoh ayat (5) dan ayat (6). Bagi ayat (4), peratus kebolehterimaannya agak rendah, iaitu hanya 60% berbanding dengan tiga ayat lain. Jika frasa preposisi **di luar negara** dalam binaan ayat ini digugurkan secara intuisinya, ayat yang tidak gramatis, iaitu **\*Mereka mencari pasaran**, dihasilkan. Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat binaan frasa kerja **mencari** yang diikuti oleh frasa nama dan frasa preposisi. Bagi ayat (3), binaan ayatnya sama seperti ayat (1), tetapi fungsi **untuk** dalam ayat (3) adalah sebagai komplimentizer. Dalam ayat (3) dan ayat (4), frasa komplimentizer **untuk menampung perbelanjaan** dan frasa preposisi **di luar negara** berfungsi sebagai adjung.

Seterusnya, bagi kata kerja **mencarikan**, hasil kajian mendapati bahawa nilai peratusan kebolehterimaan selari dengan struktur ayat yang dikemukakan dalam rumus preskriptif. Perhatikan Jadual 6.

**Jadual 6** Peratus kebolehterimaan penutur natif BM terhadap kata kerja **mencarikan** berdasarkan data korpus.

Bil.	Ayat	Peratus (%)		
		Betul	Salah	Tidak Pasti
7.	Mereka <b>mencarikan</b> suami untuk anak gadisnya.	63.3	30	6.7
8.	Usahawan itu <b>mencarikan</b> peluang perniagaan ke luar negara.	16.7	70	13.3

Jadual 6 menunjukkan bahawa ayat (7) dan ayat (8) mempunyai tiga konstituen, iaitu [FN<sub>AGEN</sub>], [FN<sub>TEMA</sub>] dan [FP<sub>PENERIMA</sub>] bagi ayat (7) dan [FP<sub>LOKASI</sub>] bagi ayat (8). Kedua-dua ayat ini memperlihatkan dapatan yang berbeza-beza. Subjek kajian menerima ayat (7), tetapi menolak ayat (8). Hal ini menunjukkan bahawa walaupun kedua-dua ayat mempunyai konstituen yang sama, subjek cenderung untuk menerima binaan ayat (7).

### Hasil Kajian “Menderma”/“Mendermakan”

Bagi kata kerja **menderma** dan **mendermakan**, subjek kajian didapati menerima binaan ayat **menderma** dengan dua argumen.

**Jadual 7** Peratus kebolehterimaan penutur natif BM terhadap kata kerja **menderma** berdasarkan data korpus.

Bil.	Ayat	Peratus (%)		
		Betul	Salah	Tidak Pasti
9.	Dia sudah <b>menderma</b> sebanyak 15 kali.	93.3	6.6	0
10.	Encik Salimi telah <b>menderma</b> sebanyak RM30.00.	93.3	6.6	0
11.	Penduduk tempatan <b>menderma</b> darah.	90	6.6	3.4

Dengan berdasarkan Jadual 7, peratusan kebolehterimaan subjek bagi ketiga-tiga ayat adalah tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa ayat dengan kata kerja **menderma** memerlukan dua argumen, iaitu argumen luaran FN [Dia], [Encik Salimi] dan [Penduduk tempatan] dan argumen dalaman FBIL [sebanyak 15 kali] dan [sebanyak RM30.00] atau FN [darah]. Frasa bilangan yang mengikuti kata kerja **menderma** menunjukkan kemungkinan wujudnya perkaitan antara wang dengan derma.

Seterusnya, hasil kajian bagi ayat dengan kata kerja **mendermakan** menunjukkan keputusan yang berbeza. Menurut Nik Safiah et al. (2015), binaan frasa kerja dengan objek seperti (a) Dia **mencarikan** isterinya buah nangka atau (b) Dia **mencari** buah nangka untuk isterinya, mestilah akur terhadap rumus (i) FN + K (dengan afiks -kan) + FN + FN (bagi ayat (a) dan (ii) rumus FN + K (tanpa imbuhan -kan) + FN + FP (bagi ayat (b)). Walau bagaimanapun, hasil kajian menunjukkan bahawa jika ayat **mendermakan** ini mengikuti rumus (i), ayat yang dihasilkan tidak diterima oleh intuisi penutur natif bahasa Melayu. Hal ini ditunjukkan dalam Jadual 8 Bahagian B.

**Jadual 8** Peratus kebolehterimaan penutur natif BM terhadap kata kerja **mendermakan** berdasarkan data korpus.

Bil.	Ayat	Peratus (%)		
		Betul	Salah	Tidak Pasti
<b>Bahagian A</b>				
12.	Elon Musk <b>mendermakan</b> 5,044,000 saham kepada badan amal.	86.6	13.3	0
13.	JDT <b>mendermakan</b> duit kepada tabung keluarga-keluarga petugas barisan hadapan.	90	6.6	3.3
14.	Beliau <b>mendermakan</b> 40 ribu dinar kepada negara Islam.	73.3	16.7	10
<b>Bahagian B</b>				
15.	Elon Musk <b>mendermakan</b> badan amal 5,044,000 saham.	40	60	0
16.	JDT <b>mendermakan</b> keluarga-keluarga petugas barisan hadapan duit.	30	70	0
17.	Beliau <b>mendermakan</b> negara Islam 40 ribu dinar.	27	73	0

Dengan berdasarkan Jadual 8, didapati bahawa jika binaan ayat Bahagian A ditulis semula dalam Bahagian B agar menepati rumus Nik Safiah et al. (2015), ayat tersebut menjadi salah dan tidak diterima oleh penutur natif bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa tidak semua ayat dalam bahasa Melayu akur dengan rumus (i). Ayat uji kaji (12)–(14) membuktikan bahawa binaan ayat ini akur kepada rumus  $[FN_{AGEN}]$ ,  $[FN_{TEMA}]$  dan  $[FP_{PENERIMA}]$ . Persoalan yang timbul ialah fungsi tatabahasa yang didukung oleh FP dan penerimaan fungsi FP sebagai

objek tak langsung. Persoalan paling penting pula ialah adakah kata **mendermakan** ini kata kerja transitif?

## PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa ayat dengan kata kerja **mencari** dan **menderma** merupakan ayat yang memerlukan dua argumen. Isu yang ingin dibincangkan dengan lebih lanjut ialah ayat dengan kata kerja **mendermakan**. Didapati bahawa binaan ayatnya merupakan binaan ayat yang memerlukan tiga argumen,  $[FN_{AGEN}]$ ,  $[FN_{TEMA}]$  dan  $[FN_{PENERIMA}]$ . Dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa ayat dengan kata kerja **mendermakan** tidak gramatis jika binaan ayat tersebut ialah **Elon Musk mendermakan badan amal 5,044,000 saham**. Hal ini bertentangan dengan penerimaan subjek kajian bagi ayat **Dia mencarikan isterinya buah nangka** sedangkan rumus binaan ayat ini adalah sama. Berdasarkan Jadual 8, 60% subjek kajian tidak menerima ayat (15) berbanding dengan 83.3% subjek kajian menerima ayat (2). Ternyata, subjek kajian menerima pola ayat (12) hingga ayat (14) walaupun ayat ini bertentangan dengan rumus binaan ayat (2) dalam Jadual 4. Hal ini membuktikan bahawa objek tak langsung bukan sahaja terdiri daripada FN, tetapi boleh terdiri daripada FP. Oleh itu, kajian ini mencadangkan agar struktur ayat (7)–(8) dan (12)–(14) yang mempunyai kata kerja **mencarikan** dan **mendermakan** ini diterima dalam tatabahasa bahasa Melayu dan ayat tersebut bukanlah ayat yang diterbitkan daripada binaan lain seperti ayat<sup>1</sup> (1)–(2).

Pineda (2020) menyatakan bahawa ayat yang mengandungi kasus datif merupakan peralihan ayat daripada kasus datif kepada kasus akusatif; yakni melibatkan proses perubahan sintaksis. Jika pernyataan Pineda (2020) ini diaplikasikan dalam bahasa Melayu, binaan ayat untuk kata kerja **mencarikan** dan **mencari** boleh diterima. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini membuktikan bahawa binaan ayat yang mengandungi kata kerja **mendermakan** tidak melibatkan peralihan secara sintaksis. Oleh itu, penelitian secara teoretis dilakukan terhadap ayat yang mengandungi kata kerja **mendermakan**. Sebagaimana yang disebutkan dalam bahagian teoretis, Program Minimalis mengandaikan bahawa tatabahasa mestilah mudah, kemas dan *pasimony* (Chomsky, 1995). Oleh itu, dengan mengandaikan bahawa penutur natif bahasa Melayu mempunyai pengetahuan tentang tatabahasa bahasanya, penutur natif bahasa Melayu juga mempunyai pengetahuan semantik bagi kata kerja. Pengetahuan



tentang tatabahasa dan semantik ini dijelmakan dalam konsep struktur argumen.

Penutur natif bahasa Melayu mempunyai pengetahuan tentang leksikonnya, iaitu kata kerja **mendermakan**. Kata kerja **mendermakan** mempunyai tiga argumen seperti dalam ayat (18)–(20):

- (18) [Elon Musk] **mendermakan** [5,044,000 saham] [kepada badan amal].
- (19) [JDT] **mendermakan** [duit] [kepada tabung keluarga-keluarga petugas barisan hadapan].
- (20) [Beliau] **mendermakan** [40 ribu dinar] [kepada negara Islam].


Menurut teori teta, argumen subjek diberi peranan agen, argumen objek tepat diberi peranan tema dan argumen objek tak langsung memainkan peranan sebagai penerima. Pemberian peranan teta ini akur pada kriteria peranan teta. Keakuran ayat (18)–(20) pada kriteria pemberian teta menunjukkan bahawa ayat ini gramatis. Pemberian peranan teta ini selari dengan intuisi penutur natif bahasa Melayu.

Satu lagi hujah untuk menyokong kenyataan bahawa frasa preposisi juga berfungsi sebagai objek tak langsung adalah berdasarkan hujah cangkerang FK dan pemberian kasus. Contoh ayat untuk dianalisis ialah ayat (19). Diandaikan bahawa operasi pilih dan cantum menghampiri peringkat cetusan. Frasa nama **JDT** disalin, diletakkan pada spec-Fleksi dan dipadam versi asalnya, dan melahirkan rentetan **JDT Ø JDT**. Operasi rumus salin juga berlaku pada kata kerja dalaman **mendermakan** yang dicantumkan kepada kata kerja ringan kausatif, dan memberikan interpretasi **JDT melakukan tindakan derma**. Diandaikan juga bahawa kasus diberikan secara abstrak kepada setiap FN nyata (yakni FN yang hadir). Maka, FN **JDT** disalin daripada kedudukan spec-fk ke kedudukan spec-kala, seperti yang ditunjukkan dalam rajah (21) .

Dengan berdasarkan rajah pohon (21), FN nyata mesti diberi kasus selari dengan syarat pemberian kasus. FN agen **JDT** disalin daripada kedudukan spec-fk dan diberi peranan kasus nominatif oleh fleksi, manakala FN **duit** sebagai tema diberi peranan oleh kasus akusatif daripada kepala fk **MENYEBABKAN**. FP Penerima kepada **keluarga-keluarga petugas barisan hadapan** tidak diberikan kasus kerana kasus hanya diberikan kepada FN. FN [keluarga-keluarga petugas barisan hadapan] diberi kasus datif oleh FP **kepada**. Oleh sebab syarat pemberian kasus dan peranan teta ini dipatuhi, ayat yang dihasilkan gramatis dari aspek tatabahasa dan

makna. Penjelasan secara teoretis ini menepati tatabahasa kognitif yang menjadi landasan Program Minimalis. Kajian ini berpendirian bahawa binaan frasa kerja menerima frasa preposisi sebagai objek tak langsung.

(21)



Berdasarkan andaian cangkerang frasa kerja, kata kerja leksikal disalin dan dicantumkan dengan kata kerja ringan kausatif k'. Kata kerja ringan kausatif berfitur makna [+kausatif] merupakan kata kerja kuat (Radford, 2009). Hal ini memotivasikan kata kerja leksikal untuk dicantumkan dengan kata kerja ringan abstrak kausatif. Penyalinan ini menunjukkan pemasukan semantik dalam ayat yang mengandungi kata kerja transitif. Penyalinan frasa kerja leksikal dengan kata kerja ringan abstrak kausatif akan memadam kata kerja leksikal. Radford (2009) memperlihatkannya dalam contoh ayat dalam bahasa Inggeris seperti dalam (22).

(22) [<sub>FN</sub> They<sub>j</sub>] [<sub>FF</sub> will] [<sub>FN</sub> they<sub>j</sub>] [<sub>k</sub> roll<sub>x</sub>] + Ø [<sub>FN</sub> the ball] [<sub>FK</sub> roll<sub>y</sub>] [<sub>FP</sub> down the hill].


Penyalinan frasa kerja **roll** yang dicantumkan dengan kata kerja ringan abstrak kausatif kuat memberikan andaian bahawa kata kerja ringan kausatif mendukung makna kata kerja BUAT. Santorini dan Kroch (2007) pula mengemukakan cadangan penggabungan kata kerja abstrak FK (makna DAPAT) kepada kata kerja ringan abstrak (makna MENYEBABKAN) untuk melahirkan kata kerja kompleks **give**. Berdasarkan pandangan Radford (2009), dan Santorini dan Kroch (2007) ini, diandaikan bahawa kata kerja ringan abstrak memotivasikan kata kerja leksikal dan memasukkan elemen semantik untuk menginterpretasikan ayat.

Di samping cangkerang frasa kerja untuk menghujahkan bahawa binaan FP boleh berfungsi sebagai objek tak langsung, terdapat cadangan analisis daripada aspek pemberian kasus. Cummin (2010) mencadangkan bahawa preposisi memberikan kasus datif kepada FN, manakala Chung (1978- bahasa Austronesia), dan Pineda (2012) menerima kewujudan pola komplemen datif sebagai objek tak langsung. Menurut Pineda (2012:60), dalam bahasa Sepanyol dan bahasa Catalan,

*Low Applicative Head (LowAppl) which describes an asymmetric possession relation between two items, so a transfer of possession interpretation is involved. This LowAppl assigns inherent case: dative to its Spec in Romance languages (and Recipient/Possessor  $\theta$ -role), but accusative to its Complement in English (and Theme  $\theta$ -role) ...*

Dengan berdasarkan hujah ini, konstruksi datif ini gramatis berlandaskan cangkerang frasa kerja dan pemberian kasus. Rajah pohon bagi ayat (22) ditunjukkan dalam Rajah (23).

Dengan berdasarkan rajah pohon (23), diperlihatkan FN tema diberi kasus akusatif oleh fk, manakala FN penerima dalam FPrep diberi kasus datif oleh Preposisi. Pemberian kasus oleh fk dan Fprep dalam bahasa Inggeris ini membuktikan bahawa frasa preposisi boleh berfungsi sebagai objek.



## PENUTUP

Kajian ini merupakan kajian analisis fungsi gramatis objek dalam ayat bahasa Melayu. Objektif kajian adalah untuk memberikan huraian secara teoretis bagi fungsi objek dalam empat kata kerja, iaitu kata kerja **mencari**, **mencarikan**, **menderma** dan **mendermakan**. Dapatan kajian menunjukkan bahawa rumus preskriptif yang dikemukakan oleh Nik Safiah et al. (2015) adalah selari dengan penutur natif bahasa Melayu bagi kata kerja **mencari**, **mencarikan** dan **menderma**. Hal ini bermakna, fungsi objek dalam ayat tersebut menjadikan ayat itu gramatis. Namun begitu, perbezaan sama ada objek langsung atau objek tak langsung yang mengikut frasa kerja dua objek ini perlu selari dengan konvensi linguistik. Dalam kebanyakan buku linguistik dan sintaksis, objek yang mengikuti

binaan frasa kerja dua objek ialah objek tak langsung dan disusuli oleh objek langsung.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ayat bagi kata kerja **mendermakan** tidak menepati rumus preskriptif Nik Safiah et al. (2015) yang mengiktiraf objek diwakili oleh frasa nama. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa penutur natif cenderung menggunakan konstruksi datif FN<sub>AGEN</sub> + KK + FN<sub>TEMA</sub> + FP<sub>PENERIMA</sub> bagi kata kerja **mendermakan**. Kajian ini berpendapat bahawa FP perlu diterima sebagai objek tak langsung, bukannya adjung. Penulis mencadangkan agar lebih banyak kajian saintifik dilakukan untuk membuktikan bahawa FP juga ialah objek tak langsung agar ayat sebegini diterima kerana selari dengan intuisi penutur natif bahasa Melayu.

## NOTA

- 1 Lihat huraian *Tatabahasa Dewan* (2015) halaman 392–393. Ayat (1) terhasil apabila diubah susunan frasa daripada ayat (2) dalam meletakkan fungsi tatabahasa objek.

## PENGHARGAAN

Penulisan ini ialah hasil penyelidikan daripada Geran Bridging Insentif (PHUMANITI/ 6316383).

## RUJUKAN

- Ahmad Khair Mohd Nor. (2011). *Persoalan tatabahasa Melayu*. Utusan Publications & Distributors.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu mutakhir*. Dewan Bahasa dan Pustaka. *Berita Harian Online*. (15 Januari 2019 – 20 Disember 2019). <https://www.bharian.com.my/>.
- Cook, V. J., & Newson, M. (2007). *Chomsky's universal grammar: An introduction*. Blackwell.
- Chomsky, N. (1986). *Knowledge of language: It's nature, origin, and use*. Praeger.
- Chomsky, N. (1995). *The minimalist program*. MIT Press.
- Chung, S. (1978). Case marking and grammatical relations in Polynesian. University of Texas Press.
- Cummins, S., Roberge, Y., & Troberg, M. (2010). L'objet indirect en français: Sens, représentations et évolution. Vues sur le français du Canada. Québec, Presses de l'Université Laval, 77–113.
- Josefsson, G. (2010). Object shift and optionality. An intricate interplay between syntax, prosody and information structure. *Working Papers in Scandinavian*

- Syntax*, 86, 1–24. [https://www.researchgate.net/publication/228845874\\_Object\\_shift\\_and\\_optionality\\_An\\_intricate\\_interplay\\_between\\_syntax\\_prosody\\_and\\_information\\_structure](https://www.researchgate.net/publication/228845874_Object_shift_and_optionality_An_intricate_interplay_between_syntax_prosody_and_information_structure).
- Korpus DBP. (23 Jun 2019). <http://sbmb.dbp.gov.my/korpusdbp/SelectUserCat.aspx>.
- Liaw Y. F., & Abdullah Hassan. (1994). *Nahu Melayu moden*. Penerbit Fajar Bakti.
- Marantz, A. (1995). The minimalist program. Dlm. Webelhuth, G. (Ed.), *Government and binding theory and the minimalist program*, 349–382. Blackwell.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pineda, A. (2012). Double object constructions and dative/accusative alternations in Spanish and Catalan: A unified account. *An International Journal of Hispanic Linguistics*, 2(1), 57–115.
- Pineda, A. (2020). From dative to accusative. An ongoing syntactic change in Romance. *Probus. International Journal of Romance Linguistics*, 32(1), 129–173.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu. (15 Mei 2022). *Khidmat nasihat*. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=objek&d=175768&#LIHATSINI>.
- Radford, A. (2009). *Analysing english sentences: A minimalist approach*. Cambridge University.
- Ramli Md. Salleh. (1996). Transformasi datif dalam bahasa Melayu. *Jurnal Dewan Bahasa*, 40(5), 442–450.
- Santorini, B., & Kroch, A. (2007). *The syntax of natural language: An online introduction*. <https://www.ling.upenn.edu/~beatrice/syntax-textbook/>
- Smith, N. (Ed.). (2004). *Chomsky: Ideas and ideal*. Cambridge University Press.
- Soenjono Dardjowidjojo. (1983). *Beberapa aspek linguistik Indonesia*. Penerbit Djambatan.
- Sprouse, J., & Almeida, D. (2011). Power in acceptability judgment experiments and the reliability of data in syntax. *Lingbuzz*. <https://lingbuzz.net/lingbuzz/001520>.
- Tallerman, M. (1998). *Understanding syntax*. Arnold.